

## Soalan lazim

### Saya mempunyai ulcer di kaki saya. Adakah doktor bedah akan membuangnya semasa pembedahan?

Biasanya, pembedahan tidak melibatkan pembuangan ulcer dan penyembuhan ulcer dijangka berlaku di minggu-minggu yang seterusnya selepas pembedahan. Namun begitu, kalau terdapat tisu yang tidak sihat di ulcer anda, doktor bedah anda mungkin akan menawarkan untuk membuang tisu tersebut untuk mempercepatkan penyembuhan ulcer anda.

### Selepas vena varikos saya dibuang, adakah darah dari kaki saya masih mampu pulang kepada jantung saya?

Manusia mempunyai dua sistem vena di kaki mereka; sistem vena bawah kulit dan sistem vena dalam. Darah daripada kaki anda masih mampu pulang ke jantung anda melalui sistem vena dalam selepas vena varikos anda telah dibuang.

### Saya tidak suka memakai stoking kompressi sebab ia tidak selesa dan menyusahkan. Boleh saya berhenti memakai stoking ini selepas pembedahan?

Anda perlu menyambung pemakaian stoking kompressi and untuk 4 ke 8 minggu yang selanjutnya selepas pembedahan. Berbanding kepada tahap dan kadar penyakit anda bertambah baik selepas pembuangan vena varikos anda (contohnya, kehilangan ulcer, bengkak kaki dan kesakitan), doktor bedah anda akan menasihatkan anda mengenai pemberhentian pemakaian stoking tersebut.

### Adakah penukaran warna dan pigmentasi di kulit saya hilang selepas pembedahan ini?

Penukaran warna dan pigmentasi di kulit merupakan gejala kronik penyakit vena varikos dan ia tidak akan hilang sepenuhnya selepas pembedahan ini.



UNIVERSITY  
OF MALAYA  
MEDICAL CENTRE

# PEMBEDAHAN PEMBUANGAN

## VENA VARIKOS

PEMBEDAHAN PEMBUANGAN  
VENA VARIKOS

### **‘High Saphenous Vein Ligation and Multiple Stab Avulsion’**

#### Nombor Telefon Berguna

Nombor umum UMMC : 03-7949 4444

Klinik Surgeri : 03-7949 3771

Klinik Anastesia: 03-7949 2485

Unit Pembedahan Vaskular,

Jabatan Surgeri,

Pusat Perubatan Universiti Malaya

# Pembedahan pembuangan vena varikos

## Pengenalan

Vena adalah salur darah yang mengalirkan darah pulang daripada kaki kepada jantung anda. Dalam vena yang sihat dengan injap yang berfungsi, darah hanya mengalir dalam satu arah. Apabila injap ini rosak, darah akan terkumpul dalam vena atas daya tarikan graviti. Lama kelamaan, vena tersebut akan menjadi bengkak dan membesar (vena varikos).

Tidak semua pesakit dengan vena varikos memerlukan rawatan. Rawatan vena varikos biasanya ditawarkan kepada pesakit yang mempunyai gejala-gejala seperti kesakitan, lenguh, bengkak kaki, ulser dan komplikasi kulit yang lain. Terdapat sebahagian pesakit vena varikos yang tampil untuk konsultasi rawatan kerana fakta kosmetik.

Pembuangan vena varikos adalah sejenis pembedahan yang boleh digunakan untuk merawat vena varikos.

## Kebaikan pembedahan

Selain daripada mengurangkan gejala-gejala vena varikos, pembedahan pembuangan vena varikos menawar hasil jangka masa panjang yang lagi baik dan mengurangkan kemunculan semula ulser kaki kalau dibandingkan dengan penggunaan stoking kompressi sahaja.

## Risiko pembedahan

Pembuangan vena varikos boleh menyebabkan komplikasi seperti lebam, pendarahan, kesakitan dan jangkitan luka. Komplikasi serius seperti kecederaaan saraf atau *deep vein thrombosis* (darah beku di sistem vena yang dalam) boleh berlaku, tetapi kurang dijumpai.

Adakah rawatan lain yang boleh saya pilih?

*Endovenous ablation* (abiasi lapisan dalam vena) atau rawatan sclero adalah jenis rawatan lain yang boleh digunakan untuk merawat vena varikos. Namun begitu, bukan semua jenis vena varikos boleh dirawat dengan cara abiasi atau sclero. Untuk maklumat lanjut, sila bincang isu ini dengan pakar vascular anda.

## Sebelum pembedahan

### Prosedur klinik pra-kemasukan

Doktor anda akan mengaji maklumat kesihatan dan ubatan anda. Sila menyediakan senarai ubatan anda yang terkini semasa berunding dengan doktor anda. Jangan lupa memaklumkan kepada doktor anda mengenai alahan anda yang diketahui.

### Persediaan untuk kemasukan wad

Anda sepatutnya berasa sihat sebelum kemasukan wad untuk pembedahan ini. Sila memaklumkan kepada doktor anda jika anda mempunyai apa-apa masalah kesihatan yang timbul di antara lawatan terakhir dan hari kemasukan wad anda. Sila peka kepada arahan doktor untuk menghentikan ubatan seperti ubat penipis darah. Tiada pantang-larang permakanan, tetapi, sila elakkan daripada menggunakan ubatan tradisional atau ramuan herba untuk beberapa minggu sebelum pembedahan. Ini yang mungkin boleh meninggikan risiko pendarahan dan jangkitan luka anda. Doktor bius anda akan menasihatkan anda mengenai tempoh berpuasa untuk pembedahan. Jangan lupa membawa sepasang stoking kompressi ke hospital sebab ia akan digunakan sejurus selepas pembedahan.

## Ketibaan di PPUM

Sila daftar di kaunter kemasukan di lobi (tingkat pertama) bangunan Merara Selatan. Anda akan dimasukkan ke wad anda setelah katil anda telah disediakan.

## Pembedahan

Pembedahan ini boleh dijalankan dengan bius separa atau bius penuh badan. Biasanya, dua potongan akan di buat di peha anda (satu di pangkal peha dan satu lagi berdekatan dengan aras lutut anda). Doktor bedah anda akan mengikat dan memotong vena varikos anda. Selepas itu, dengan menggunakan sejenis wayar besi, vena varikos dibawah kulit anda akan ditarik keluar. Kalau anda mempunyai vena varikos yang lain di aras bawah lutut anda, beberapa potongan yang kecil juga akan dibuat untuk membuang vena varikos tersebut. Selepas itu, kulit anda akan dijahit tutup dan kaki anda akan dibalut dengan pembalut elastik.

## Selepas pembedahan

Selepas pembedahan, anda akan dikembalikan ke wad anda. Anda mungkin akan mengalami kesakitan di kaki anda selepas pembedahan; ini adalah dijangka. Anda boleh makan dan berjalan selepas kesan ubat bius telah hilang (dalam 6-8 jam selepas pembedahan).

Anda mungkin memerlukan 2 minggu untuk sembah sebelum anda boleh pulang ke kerja. Jangka masa ini akan berbeza terpulang kepada tahap kesihatan anda dan sifat perkerjaan anda.

Selepas pembedahan, anda masih perlu rajin memakai stoking kompressi anda untuk beberapa minggu.